

SEKSYEN 6:

SEKTOR AWAM DISATUKAN

- Kerajaan Negeri
- Kerajaan Am
- Syarikat Awam Bukan Kewangan
- Sektor Awam Disatukan

SEKSYEN 6: SEKTOR AWAM DISATUKAN

Kerajaan Negeri

Hasil disatukan bagi kerajaan negeri¹ pada 2019 diunjur meningkat ketara sebanyak 19.6% kepada RM27.9 bilion. Daripada jumlah tersebut, 88.1% atau RM24.6 bilion merupakan hasil janaan negeri yang sebahagian besarnya terdiri daripada cukai jualan, royalti petroleum, faedah pelaburan, premium tanah dan cukai tanah manakala selebihnya geran daripada Kerajaan Persekutuan. Hasil janaan negeri ini dijangka meningkat 30.8% terutamanya disumbangkan oleh pengenalan cukai jualan pada kadar 5% ke atas produk petroleum oleh kerajaan negeri Sarawak pada 1 Januari 2019. Sarawak, Sabah, Terengganu, Selangor dan Johor terus menjadi penyumbang utama sebanyak 86.1% atau RM21.2 bilion kepada jumlah hasil janaan negeri.

Hasil cukai dianggar berjumlah RM9 bilion atau 32.1% daripada jumlah hasil disatukan. Cukai langsung yang berjumlah RM3.2 bilion sebahagian besarnya terdiri daripada cukai ke atas sumber asli seperti tanah, perhutanan dan lombong manakala cukai tidak langsung dijangka menyumbang RM5.8 bilion mewakili 64.2% daripada hasil cukai. Cukai jualan ke atas produk petroleum di negeri Sarawak dijangka berjumlah RM3.9 bilion dan merupakan penyumbang utama peningkatan hasil negeri berbanding tahun terdahulu. Cukai jualan bagi Sabah dan Sarawak berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan merupakan salah satu sumber hasil negeri tersebut seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.²

Hasil bukan cukai dijangka mencatat RM12.5 bilion atau 44.7% daripada jumlah hasil disatukan. Komponen utama hasil tersebut termasuk royalti petroleum berjumlah RM3.6 bilion, faedah pelaburan RM3.4 bilion serta premium tanah RM2.1 bilion. Terimaan bukan hasil pula berjumlah RM6.5 bilion sebahagian besarnya merangkumi geran

daripada Kerajaan Persekutuan termasuk pemberian ikut kepala yang ditetapkan berdasarkan unjuran kependudukan tahunan; pemberian bagi membiayai perbelanjaan mengurus bagi jabatan di bawah Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan; dan bayaran perkhidmatan bagi penglibatan penjawat awam negeri dalam projek pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Jumlah perbelanjaan disatukan kerajaan negeri dijangka meningkat 8.9% kepada RM27.6 bilion. Perbelanjaan mengurus (OE) diunjur bertambah 13.4% kepada RM14.3 bilion (2018: 2.8%; RM12.6 bilion) terutamanya disebabkan oleh jumlah pemberian dan kenaikan bayaran tetap serta peruntukan perkhidmatan dan bekalan yang lebih tinggi. Selain itu, perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka meningkat 4.5% kepada

Jadual 6.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2018 – 2019

	RM juta		Perubahan (%)	
	2018	2019 ¹	2018	2019 ¹
Hasil	23,338	27,918	7.2	19.6
Perbelanjaan mengurus	12,646	14,336	2.8	13.4
Baki semasa	10,692	13,582		
Perbelanjaan pembangunan kasar	12,668	13,237	34.0	4.5
Kumpulan Wang Pembangunan	12,640	13,044	35.3	3.2
Kumpulan Wang Bekalan Air	28	193	-75.2	589.3
Tolak: Terimaan balik pinjaman	291	329	3.9	13.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	12,377	12,908	34.9	4.3
Baki keseluruhan	-1,685	674		
% kepada KDNK	-0.1	0.04		

¹ Anggaran.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

¹ Tidak termasuk Wilayah Persekutuan.

² Bahagian V, Jadual Kesepuluh: Sumber Tambahan Hasil Yang Diserahhakkan Kepada Negeri Sabah dan Sarawak.

RM13.2 bilion (2018: 34%; RM12.7 bilion). Projek utama yang dilaksanakan pada 2019 termasuk pembinaan loji rawatan air di Banting, Selangor dan Kemaman, Terengganu; pembangunan projek bekalan air di Selangor dan Johor; serta projek tebatan banjir di Seberang Perai, Pulau Pinang. Projek lain termasuk menaik taraf bangunan pentadbiran di Kangar, Perlis dan Kuala Nerus, Terengganu; pembinaan jalan raya di Shah Alam dan Sepang, Selangor; serta pembangunan fasa kedua Bandar Baru Kijal di Kemaman, Terengganu. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan bagi 2019 dijangka mencatat lebihan semasa sebanyak RM13.6 bilion mewakili 48.6% daripada jumlah hasil disatukan. Baki keseluruhan kerajaan negeri setelah mengambil kira DE dianggarkan mencatat lebihan RM674 juta atau 0.04% daripada KDNK.

Kerajaan Am

Berdasarkan *Government Finance Statistics Manual* (GFSM) 2014 oleh IMF, kerajaan am merujuk kepada unit institusi yang melaksanakan fungsi ekonomi utama kerajaan. Fungsi kerajaan am termasuk menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada komuniti tidak berasaskan pasaran; pengagihan semula pendapatan dan kekayaan; serta membiayai aktiviti terutamanya melalui cukai atau pindahan. Sektor kerajaan am di Malaysia merangkumi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan Badan Berkanun Persekutuan.³ Pelaporan kedudukan kewangan kerajaan am

bertujuan untuk menganalisis prestasi dan menilai impak keseluruhan operasi kerajaan ke atas ekonomi.

Hasil disatukan kerajaan am pada 2019 dianggarkan meningkat 11.3% kepada RM312.7 bilion manakala OE disatukan meningkat 13.5% kepada RM301.5 bilion. Peningkatan hasil dan OE ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan, seterusnya menyebabkan lebihan semasa berkurang kepada RM11.2 bilion berbanding 2018. Di samping itu, DE disatukan dijangka berkurang 6.5% kepada RM59.1 bilion terutamanya disebabkan DE Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah. Sehubungan itu, defisit keseluruhan kerajaan am dijangka mencatat RM48 bilion atau 3.2% daripada KDNK pada 2019 selepas semua pindahan dan pinjaman bersih antara unit diasingkan.

Di bawah Perkara 111 dan 112 Perlembagaan Persekutuan, semua kerajaan negeri kecuali Sabah dan Sarawak hanya boleh meminjam daripada atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan tempatan⁴ pula hanya boleh meminjam dengan kelulusan kerajaan negeri manakala Badan Berkanun Persekutuan juga dibenarkan meminjam dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Defisit keseluruhan kerajaan am (kecuali Kerajaan Persekutuan) dibiayai terutamanya oleh pinjaman Kerajaan Persekutuan dan rizab terkumpul seterusnya mengawal pendedahan terhadap risiko kredit kerajaan am di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Jadual 6.2. Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan 2018 – 2020

	RM juta			Perubahan (%)		
	2018	2019 ¹	2020 ²	2018	2019 ¹	2020 ²
Hasil	281,037	312,663	287,724	4.9	11.3	-8.0
Perbelanjaan mengurus	265,647	301,512	277,636	5.5	13.5	-7.9
Baki semasa	15,390	11,151	10,088			
Perbelanjaan pembangunan	63,258	59,118	60,351	28.4	-6.5	2.1
Baki keseluruhan	-47,868	-47,967	-50,263			
% kepada KDNK	-3.3	-3.2	-3.1			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2020.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

³ Badan Berkanun Persekutuan ditadbir urus oleh Kementerian Persekutuan dan tertakluk kepada akta tubuh masing-masing untuk melaksanakan fungsi tertentu Kerajaan dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, kesihatan dan pertanian. Sebahagian besar hasil diperoleh melalui geran daripada Kerajaan Persekutuan.

⁴ Seksyen 41 dan 42, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Syarikat Awam Bukan Kewangan

Kedudukan kewangan disatukan bagi syarikat awam bukan kewangan (SABK) dianggarkan mencatat lebih semasa yang lebih rendah iaitu RM31.1 bilion pada 2019 berbanding RM60.7 bilion pada 2018. Keadaan ini disebabkan oleh peningkatan aliran keluar khususnya pemberian dividen khas secara *one-off* daripada PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, defisit keseluruhan bagi 2019 dianggarkan sebanyak RM47.8 bilion.

Jumlah hasil disatukan SABK dianggarkan menyusut sebanyak 0.6% kepada RM385.8 bilion. Penurunan hasil ini disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih rendah dengan purata USD63 setong. Walau bagaimanapun, sektor lain seperti sektor tenaga dan sektor pembinaan dijangka merekodkan hasil yang lebih baik berikutan penyiapan beberapa projek pembangunan pada 2019.

Jumlah perbelanjaan SABK bagi 2019 dianggarkan mencatat RM433.6 bilion. Perbelanjaan semasa SABK dijangka semakin meningkat 8.3% kepada RM354.6 bilion berikutan penyiapan beberapa projek utama SABK. Projek yang telah siap termasuk Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) di Johor dan loji jana kuasa arang batu Jimah di Negeri Sembilan. Peningkatan perbelanjaan semasa ini disebabkan oleh kos input dan kos penyenggaraan yang semakin meningkat terutamanya dalam sektor tenaga dan sektor pembinaan berikutan permintaan utiliti yang lebih tinggi dan kos pegangan harta tanah tidak terjual. Sementara itu, perbelanjaan modal dianggarkan kekal RM79 bilion berikutan sebahagian besar projek berada di peringkat akhir pelaksanaan manakala projek baharu masih di peringkat awal pelaksanaan. Antara projek yang sedang dijalankan termasuk projek fasiliti gas asli cecair terapung di Sabah, loji jana kuasa di Johor; projek solar berskala besar di Kedah; serta Transit Aliran Massa Laluan 2 (MRT2) dan Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) di Lembah Klang.

Pelaburan SABK akan terus ditumpukan dalam projek domestik dan luar negara bagi menambah baik dan memodenkan

infrastruktur serta memacu pertumbuhan perniagaan yang mampan. Projek tersebut termasuk projek pembangunan gas di Sabah dan Sarawak serta projek pembangunan lapangan O&G di Azerbaijan dan Iraq. Selain itu, secara amnya perbelanjaan modal SABK disalurkan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan menambah baik produktiviti untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Projek utama termasuk loji jana kuasa menggunakan turbin gas di Johor dan projek solar berskala besar di Kedah.

Jadual 6.3. Kedudukan Kewangan SABK¹ Disatukan 2018 – 2019


	RM juta		Perubahan (%)	
	2018	2019 ²	2018	2019 ²
Hasil	388,130	385,754	17.9	-0.6
Perbelanjaan semasa	327,410	354,612	24.6	8.3
Baki semasa	60,720	31,142	-8.5	-48.7
Perbelanjaan modal	78,854	78,980	-4.5	0.2
Baki keseluruhan	-18,134	-47,838	12.0	163.8
% kepada KDNK	-1.3	-3.2		

¹ Merujuk kepada 28 SABK utama.

² Anggaran.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Rajah 6.1. Aset dan Liabiliti SABK (Akhir 2018)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Sektor Awam Disatukan

Sektor awam disatukan (CPS) di Malaysia terdiri daripada unit kerajaan am dan SABK. Pelaporan kedudukan kewangan CPS bertujuan menganggarkan saiz sektor awam, mengukur kesan aktiviti CPS ke atas ekonomi secara makro dan mengenal pasti sumber risiko fiskal. Dari

segi penilaian global, data kerajaan am dan sektor awam boleh dibandingkan di peringkat antarabangsa. Seperti kerajaan am, CPS memerlukan semua pindahan dan pinjaman bersih di antara setiap unit sektor awam diasingkan untuk menggambarkan kedudukan kewangan sebagai satu entiti.

Penilaian prestasi kewangan perlu dibezakan antara kerajaan am yang berorientasikan sosial dengan SABK yang bertujuan memaksimumkan keuntungan. Sehubungan itu, DE kerajaan am yang menyumbang kepada peningkatan defisit mencerminkan pelaburan modal lebih tinggi untuk manfaat sosioekonomi. Walau bagaimanapun, defisit SABK yang lebih tinggi tidak semestinya menggambarkan prestasi kewangan yang merosot kerana

perbelanjaan modal diklasifikasikan sebagai pelaburan dalam pembentukan aset bagi menjana pendapatan dalam penyata kedudukan kewangan.

Kedudukan kewangan CPS dijangka mencatat lebih semasa yang lebih rendah sebanyak RM42.2 bilion pada 2019. Pengurangan ini disebabkan oleh peruntukan tunggakan bayaran balik cukai. Di samping itu, DE sektor awam disatukan diunjur menurun 2.8% kepada RM138 bilion terutamanya disebabkan oleh DE Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah. Justeru, defisit keseluruhan CPS selepas semua transaksi antara unit diasingkan dijangka meningkat kepada RM95.8 bilion atau 6.3% daripada KDNK pada 2019 (2018: RM66 bilion; 4.6%).

Jadual 6.4. Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2018 – 2020

	RM juta			Perubahan (%)		
	2018	2019 ¹	2020 ²	2018	2019 ¹	2020 ²
Hasil	230,488	237,769	244,518	0.0	3.2	2.8
Perbelanjaan mengurus	265,372	301,382	277,239	5.5	13.6	-8.0
Baki semasa	-34,884	-63,613	-32,721			
Baki semasa SABK	110,803	105,787	125,793			
Jumlah baki semasa sektor awam	75,919	42,174	93,072			
Perbelanjaan pembangunan	141,958	138,006	136,331	7.7	-2.8	-1.2
Kerajaan am	63,104	59,026	58,977	28.3	-6.5	-0.1
SABK	78,854	78,980	77,354	-4.5	0.2	-2.1
Baki keseluruhan	-66,039	-95,832	-43,259			
% kepada KDNK	-4.6	-6.3	-2.7			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2020.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.